



PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Merangkumi

Semua firma guaman.

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan

Waktu Beroperasi

Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan

Normal

Kapasiti Pekerja

100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pindaan kepada <i>Bar Circular</i> .	Majlis Peguam Malaysia, Pertubuhan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak hendaklah meminda <i>Bar Circular</i> yang telah dikeluarkan sepanjang tempoh PKP supaya selaras dengan dasar Kerajaan yang terkini termasuk SOP KKM.
Kehadiran pekerja ke premis firma guaman.	Saringan suhu badan dan saringan gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema dan susah bernafas perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis. Tidak membenarkan pekerja yang mempunyai gejala atau suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius untuk masuk ke premis dan perlu mendapat rawatan di fasiliti kesihatan.
Rekod kehadiran pekerja.	Kehadiran pekerja direkodkan dalam daftar khas yang mengandungi butiran nama, suhu badan, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar dan tandatangan keluar. Rekod kehadiran hendaklah disimpan untuk tempoh minimum selama enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh PKP.
Aplikasi MySejahtera	Semua kakitangan dan pelawat disarankan untuk memuat turun dan mendaftar Aplikasi MySejahtera ke telefon bimbit masing-masing untuk tujuan pengesanan kontak rapat.



PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Merangkumi

Semua firma guaman.

Waktu Beroperasi

Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan

Normal

Kapasiti Pekerja

100%

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Perjumpaan/ transaksi dengan anak guam dalam premis firma guaman.	<ul style="list-style-type: none"> • Kehadiran anak guam dihadkan dan suhu badan direkodkan beserta maklumat nama, nombor telefon, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar, tandatangan keluar dan catatan urusan. • Anak guam yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius tidak dibenarkan masuk premis dan dinasihatkan mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan • Rekod kehadiran perlu disimpan untuk tempoh minimum selama enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh PKP
Penjarakan sosial.	Memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter semasa berada di premis
Amalan Kebersihan Tangan yang kerap.	Amalan kebersihan tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau <i>hand sanitizer</i> .
Penggunaan <i>face mask</i> .	Menyediakan <i>face mask</i> untuk kegunaan pekerja Setiap kakitangan berurusan dengan pelanggan perlu memakai <i>face mask</i> .
Notis langkah kesihatan awam di pintu hadapan firma guaman.	Menyediakan notis berhubung dengan <i>social distancing</i> , amalan kebersihan tangan yang kerap, penggunaan <i>hand sanitizer</i> , <i>face mask</i> dan sebagainya.
Pembersihan dan nyah kuman.	Berdasarkan Garispanduan Tatacara Perbersihan dan Disinfeksi yang telah disediakan oleh KKM.